

TRANSFORMASI DIGITAL KHAZANAH

Kami sedang melaksanakan transformasi digital melibatkan seluruh organisasi – dipanggil NexGen – bagi membolehkan kami menyerlahkan keupayaan kami dalam *Memajukan Malaysia*.

NexGen menjurus kepada memupuk budaya inovasi dan ketangkasan, meningkatkan data dan aplikasi digital kami, dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja kami, dengan mendigitalkan sepenuhnya proses kami supaya mampu meraih hasil perniagaan yang lebih baik.



► Sesi Digital Lunch 'N' Learn diadakan untuk meningkatkan kemahiran warga Khazanah



► 'Chief Technology Officer Circle' diadakan pada 18 Ogos 2022 melibatkan penyertaan 12 Syarikat Berkaitan Kerajaan

Strategi NexGen mengandungi pelbagai program merentasi tiga tonggak yang diperincikan di bawah:

Tonggak 1

Seni bina

Memodenkan seni bina teknologi menggunakan platform digital baharu dan membina keupayaan untuk menambah baik secara berterusan kualiti keputusan yang dibuat ke arah menjana hasil perniagaan lebih baik menggunakan data yang tepat.

Tonggak 2

Budaya

Memacu kesedaran untuk menerima pakai peralatan digital, dilengkapi dengan kemahiran masa depan, dan tangkas menambah baik kerja berpasukan melalui kolaborasi.

Tonggak 3

Pemangkin

Meningkatkan kecekapan tadbir urus dan struktur pemantauan dengan setiap daripada kita mampu diperkasa untuk mengambil alih kerja menggunakan teknologi.

Kami mencapai kemajuan yang kukuh pada pelancaran NexGen pada tahun 2022, melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mendigitalkan fungsi dan aktiviti utama di seluruh operasi kami. Pencapaian utama sepanjang tahun lalu termasuk:

- 1 Melaksanakan platform pengurusan perhubungan korporat berasaskan awan untuk mengurus pihak berkepentingan luar kami secara berpusat, mendedahkan cerapan (*insight*) tentang hubungan kami dan meningkatkan kerjasama merentas pasukan
- 2 Melaksanakan penyelesaian analitik data yang mantap untuk memacu pembuatan keputusan yang didorong oleh data seperti aplikasi web berkeupayaan carian lanjutan untuk dokumen penyelidikan dan penyelesaian analitik data berpusat untuk calon pengarah penama
- 3 Memanfaatkan peralatan digital untuk inisiatif impak sosial kami dengan menggunakan galeri maya untuk pengalaman yang mendalam di Galeri Khazanah
- 4 Melancarkan Akademi Digital kami – menampilkan modul seperti Cara Kerja Tangkas, Analitik Data, Keselamatan Siber dan Trend Digital Global – untuk melengkapkan kami dengan lebih baik bagi melakukan kerja pada masa depan
- 5 Perkongsian pengetahuan digital untuk memacu perkongsian pengalaman, rangkaian dan aplikasi pengetahuan digital dalam proses kerja harian
- 6 Menjalankan program temu seru universiti, dengan penceramah berkongsi pengalaman transformasi digital mereka dengan pelajar-pelajar dari pelbagai universiti awam
- 7 Memastikan aset digital kami dilindungi dan selamat daripada ancaman siber
- 8 Memanfaatkan platform kod rendah untuk membina aplikasi digital ke arah pembangunan pesat dan memenuhi keperluan perniagaan
- 9 Menubuhkan sistem tiket dan perkhidmatan keupayaan berpusat untuk menyelaraskan sokongan teknikal dengan mengurus dan menyelesaikan isu secara berkesan, menambah baik perkhidmatan penghantaran dan kepuasan perniagaan



► Program temu seru universiti di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Puncak Alam